



**MEDIA ONLINE /
PORTAL BERITA/MEDIA BEBAS**

17 APRIL 2017

Disediakan oleh : Unit Komunikasi Korporat

ISU: KESIHATAN PEKERJA

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	17APRIL 2017 (ISNIN)	MALAYSIA GAZETTE Kesihatan pekerja Malaysia membimbangkan – Ismail	PERKESO

AKHBAR: MALAYSIA GAZETTE

Kesihatan pekerja Malaysia membimbangkan – Ismail



Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Ismail Abd Muttalib

KUALA LUMPUR – Kesihatan pekerja di negara ini di tahap membimbangkan dengan sebahagiannya mengalami masalah kesihatan, menurut maklumat yang diperolehi daripada Program Saringan Kesihatan yang dijalankan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso). Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Ismail Abd Muttalib berkata, menurut statistik itu, 73 peratus daripada pencarum Perkeso yang menjalani saringan kesihatan mempunyai masalah berat badan, kencing manis (sembilan peratus), tekanan darah tinggi (27 peratus) dan kadar kolestrol tinggi (62 peratus).

“Statistik itu menunjukkan kurangnya kesedaran dalam kalangan pekerja khususnya pencarum Perkeso dalam penjagaan kesihatan. Kesedaran mengenai penjagaan kesihatan amat penting bagi memastikan pekerja kekal sihat untuk bekerja dan menyumbang kepada organisasi dan keluarga,” katanya. Ismail berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri program Run and Ride Perkeso serta menyempurnakan majlis papelancaran Hari Pekerja 2017 di sini, hari ini.

Beliau berkata, pelbagai usaha dilakukan untuk menggalakkan pekerja mengamalkan gaya hidup sihat, namun ia adalah tugas mencabar memandangkan mereka kurang kesedaran untuk menjaga kesihatan. Pada majlis itu, lebih 5,000 peserta menyertai Run and Ride Perkeso yang turut disertai Ketua Setiausaha kementerian Datuk Seri Adenan Ab Rahman, Pengerusi Lembaga Perkeso Datuk Abu Huraira Abu Yazid dan Ketua Pegawai Eksekutif Perkeso Datuk Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed. – MalaysiaGazette

ISU: KEMALANGAN DI TEMPAT KERJA

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	17APRIL 2017 (ISNIN)	MALAYSIA DIGEST Dua Pekerja Pembersihan Maut Jatuh Saluran Air Di Ipoh MALAYSIA GAZETTE 2 pekerja maut jatuh dalam saluran air THE STAR Two men die after falling into manhole in front of mall	JKKP

AKHBAR : MALAYSIA DIGEST

Dua Pekerja Pembersihan Maut Jatuh Saluran Air Di Ipoh



IPOH -- Dua pekerja pembersihan sebuah syarikat swasta maut selepas terjatuh ke dalam lubang saluran air di hadapan pusat membeli-belah Angsana Mall di sini semasa melakukan kerja-kerja pembersihan awal pagi ini. Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Ipoh P. Samasuvam berkata pihaknya menerima panggilan mengenai insiden tersebut kira-kira 1.30 pagi sebelum dua jentera bersama 15 anggota dikejarkan ke lokasi kejadian.

Katanya anggota bomba yang lengkap dengan alat pernafasan bertindak turun ke dalam saluran air itu untuk menyelamatkan mangsa. "Bomba menemui kedua-dua mangsa yang berumur 27 tahun di bahagian dasar saluran air tersebut dalam keadaan tidak sedarkan diri sebelum dikeluarkan dan disahkan meninggal dunia oleh pasukan perubatan.

"Mangsa dipercayai terjatuh ketika sedang menuruni anak tangga saluran air itu tanpa memakai alat bantuan pernafasan," katanya ketika dihubungi Bernama di sini hari ini. Kedua-dua mangsa yang belum dikenal pasti identitinya diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan lanjut dan operasi menyTelamat tamat 3 pagi.—*BERNAMA*

MALAYSIA GAZETTE

2 pekerja maut jatuh dalam saluran air

IPOH – Dua pekerja pembersihan sebuah syarikat swasta maut selepas terjatuh ke dalam lubang saluran air di hadapan pusat membeli-belah Angsana Mall di sini semasa melakukan kerja-kerja pembersihan awal pagi ini.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Ipoh P. Samasuvam berkata, pihaknya menerima panggilan mengenai insiden tersebut kira-kira 1.30 pagi sebelum dua jentera bersama 15 anggota dikejarkan ke lokasi kejadian. Katanya, anggota bomba yang lengkap dengan alat pernafasan bertindak turun ke dalam saluran air itu untuk menyelamatkan mangsa. "Bomba menemui kedua-dua mangsa yang berumur 27 tahun di bahagian dasar saluran air tersebut dalam keadaan tidak sedarkan diri sebelum dikeluarkan dan disahkan meninggal dunia oleh pasukan perubatan.

"Mangsa dipercayai terjatuh ketika sedang menuruni anak tangga saluran air itu tanpa memakai alat bantuan pernafasan," katanya ketika dihubungi Bernama di sini hari ini. Kedua-kedua mangsa yang belum dikenal pasti identitinya diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan lanjut dan operasi menyelamat tamat 3 pagi. – MalaysiaGazette

THE STAR

Two men die after falling into manhole in front of mall



IPOH: Two men died after falling into a manhole in front of a shopping mall here. The Fire and Rescue Department received a distress call at about 1.34am. A spokesman for the department said both victims, aged 27, fell into the manhole while carrying out cleaning works. "When we reached the site, both the victims were at the bottom of the culvert unconscious.

"The victims fell while going down the stairs to get into the culvert without wearing any respiratory equipment," he said. He added that both the victims were brought up using a rope tied to their bodies. "The medical team at the site confirmed that both victims had died," he added.